

22 JUL, 2024

22 JUL, 2024

Penangguhan cukai barang mewah beri ruang mantapkan pelaksanaan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Penangguhan cukai barang mewah beri ruang mantapkan pelaksanaan

● Penangguhan pelaksanaannya dilihat mampu memberi insentif kepada industri tertentu atau mengurangkan beban cukai ke atas sektor tertentu bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi atau pelaburan

● Langkah diambil selepas penangguhan itu sangat penting untuk mengambil tindakan sesuai bagi memastikan struktur cukai baharu lebih berkesan, adil dan berdaya maju



Timbalan Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)

Oleh Dr Mohd Fairuz A Razak
bhrencana@bh.com.my

Menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada 10 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan Jemaah Menteri akan memutuskan tarikh lain pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVG) yang pada mulanya dicadang diperkenalkan pada 1 Mei lalu.

Penangguhan itu bagi memberi ruang kepada Kementerian Kewangan memperkemaskan dasar dan perundangan berkaitan HVG, mengambil kira prinsip percukaian semasa serta memastikan ia tidak menjejaskan aktiviti ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

HVG antara cara kerajaan meningkatkan pendapatan negara melalui cukai lalu digunakan untuk membiayai perbelanjaan kerajaan seperti pembangunan infrastruktur dan penyediaan perkhidmatan awam.

Cukai ini berfungsi sebagai alat mengurangkan ketidakseimbangan kekayaan dalam masyarakat iaitu kerajaan mengalihkan sebahagian daripada kekayaan orang kaya kepada golongan kurang berada melalui perbelanjaan kerajaan, selain boleh menggalakkan pengguna lebih berhemat dan memilih untuk tidak membeli barang dikenakan cukai tinggi.

Namun, penangguhan pelaksanaannya dilihat mampu memberi insentif kepada industri tertentu atau mengurangkan beban cukai ke atas sesetengah sektor bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi atau pelaburan. Penangguhan cukai ini juga memberikan kerajaan ruang memperkemaskan struktur cukai ini dan cara pelaksanaannya.

Berikut adalah beberapa kelebihan penangguhan HVG kepada kerajaan:

● Melakukan analisis

Penangguhan HVG memberikan masa kepada kerajaan menganalisis kesan penangguhan terhadap ekonomi, perdagangan dan pendapatan kerajaan. Dengan melakukan analisis menyeluruh, kerajaan boleh membuat keputusan lebih baik bagaimana menyesuaikan struktur cukai supaya lebih berkesan.

● Rundingan dengan pihak berkepentingan

Masa penangguhan HVG boleh digunakan untuk berunding dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti ahli perniagaan, ekonomi dan kumpulan pengguna bagi mendapatkan maklum balas serta cadangan untuk menambah baik struktur cukai berkenaan.

● Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D)

Kerajaan boleh menggunakan masa penangguhan

untuk menjalankan R&D dalam bidang cukai untuk mencari cara lebih baik mengumpul pendapatan tanpa memberi tekanan terlalu besar kepada pengguna dan perniagaan.

● Penyelarasan dengan perubahan ekonomi

Selama tempoh penangguhan, kerajaan boleh menyesuaikan struktur cukai untuk menyelaraskan dengan perubahan ekonomi, contohnya, memperkenalkan atau meminda cukai ke atas barang dan perkhidmatan berkembang dalam ekonomi digital dengan lebih meluas.

● Pendidikan dan kesedaran awam

Masa penangguhan boleh diguna untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai sistem cukai, termasuk cara kerjanya, manfaatnya. Ini dapat membantu orang awam memahami pentingnya cukai dan memberi sokongan kepada perubahan struktur dicadangkan.

Perbaiki struktur cukai

Secara keseluruhannya, penangguhan HVG memberikan peluang kepada kerajaan memperbaiki struktur cukai, tetapi langkah diambil selepas penangguhan itu sangat penting untuk mengambil tindakan sesuai bagi memastikan struktur cukai baharu lebih berkesan, adil dan berdaya maju.

Menguatkuasakan HVG boleh menjadi mahal dan rumit, terutama untuk negara kecil atau sumber terhad serta tiada pengalaman percukaian seperti ketika era Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan.

Maka, cukai ini boleh dikutip daripada peruncit dan meremiten ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia seperti mekanisme GST yang membolehkan pelancong mendapat pemulangan balik. Negara sudah melalui era GST dan kebanyakan peniaga masih memiliki sistem itu untuk digunakan semula.

Pada asasnya, cukai ini paling sesuai dilaksanakan ketika ekonomi dalam keadaan stabil dan

sedang berkembang. Pengguna dan peniaga lebih mampu menyesuaikan diri dengan perubahan harga.

Namun, harus ada penyelarasan dengan dasar lain untuk memastikan tidak berlaku bebanan cukai berganda yang boleh menjejaskan ekonomi secara keseluruhan.

Dari sudut lain, pelaksanaan HVG boleh memberi kesan kepada daya saing pengeluar domestik, menjadikan produk mereka lebih mahal berbanding barang dikeluarkan di luar negara.

Ini boleh menyebabkan pengguna membeli dari negara lain atau pasaran gelap, mengakibatkan penurunan dalam jualan keseluruhan dan berpotensi mengurangkan hasil cukai kerajaan.

Positifnya, pengenalan HVG boleh menjana pendapatan kepada kerajaan. Sebagai contoh, nilai jualan jam tangan, jam dan alat ganti perkilangan di Malaysia pada 2022 ialah RM2.22 bilion.

Pada kadar rata 10 peratus ditetapkan pada barang bernilai tinggi, kerajaan berpotensi menjana pendapatan RM222 juta daripada cukai ke atas jam tangan mewah sahaja.

Sementara itu, memasuki semakin ramai pelancong asing dan kejatuhan sedikit sebanyak ringgit menggalakkan pembelian barang bernilai tinggi di Malaysia.

Sebaliknya, jika cukai dikenakan terlalu tinggi, ia mungkin menghalang pelancong membeli barang bernilai tinggi di Malaysia, membawa kepada penurunan dalam industri runcit.

Maka, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk melaksanakan bayaran balik pelancong bagi pelancong asing membeli barang bernilai tinggi bagi menarik lebih ramai pelancong dan mengekalkan daya saing pasaran.

Skim bayaran balik pelancong (TRS) boleh dilaksanakan apabila pelancong ke Malaysia membeli barang itu dan membuat tuntutan semula di lapangan terbang sebelum pulang ke negara asal, seperti dilaksanakan GST sebelum ini. Namun, ia memerlukan penggubalan atau pindaan Rang Undang-Undang Perbekalan atau Akta Kewangan.

Kerajaan juga boleh mempertimbangkan mengenakan cukai ke atas barang nilai tinggi tertentu sahaja atau mengecualikan barang bernilai tinggi tertentu daripada cukai untuk meminimumkan kesan negatif terhadap industri.

Selain itu, implikasi tidak formal kepada peniaga barang nilai tinggi mungkin mengalami penurunan permintaan kerana harga lebih tinggi disebabkan cukai. Peniaga mungkin perlu menyesuaikan strategi pemasaran dan harga mereka untuk menarik pelanggan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“Harus ada penyelarasan dengan dasar lain untuk memastikan tidak berlaku bebanan cukai berganda yang boleh menjejaskan ekonomi secara keseluruhan”

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@mediaprima.com.my

Timbalan Pengarang Kumpulan
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my



22 JUL, 2024

Penangguhan cukai barang mewah beri ruang mantapkan pelaksanaan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Penangguhan cukai barang mewah beri ruang mantapkan pelaksanaan Oleh Dr Mohd Fairuz A Razak bhrencana@bh.com.my
Penangguhan pelaksanaannya dilihat mampu memberi insentif kepada industri tertentu atau mengurangkan beban cukai ke atas sektor tertentu bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi atau pelaburan Langkah diambil selepas penangguhan itu sangat penting untuk mengambil tindakan sesuai bagi memastikan struktur cukai baharu lebih berkesan, adil dan berdaya maju
Menerusi jawapan bertulis di Dew...